

Rujukan kami : UNIMAP/PEND/101/2-6 (27)

Tarikh : 28 September 2016

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR



PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 4 TAHUN 2016

PELAKSANAAN PANDUAN PAKAIAN KORPORAT FORMULA 1 (F1)

BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pelaksanaan Panduan Pakaian Korporat Formula 1 (F1) bagi staf Universiti Malaysia Perlis.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan peletakan logo dan penjenamaan semula universiti pada tahun 2007, pakaian korporat universiti telah direka bentuk dan digunakan oleh semua staf yang berkecuali sebagai menyumbang kepada aktiviti penjenamaan universiti.
- 2.2 Namun, sejak kebelakangan ini terdapat kecenderungan oleh segelintir staf untuk memakai pakaian korporat F1 pada hari bekerja biasa.

Rujukan kami : UNIMAP/PEND/101/2-6 (27)

Tarikh : 28 September 2016

2.3 Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-103 (Bil. 5/2016) pada 8 September 2016 telah meluluskan Pelaksanaan Panduan Pakaian Korporat Formula 1 (F1) bagi staf Universiti Malaysia Perlis.

3.0 DEFINISI

3.1 'Pakaian Korporat ' ertinya pakaian rasmi yang direka khas dengan peletakan logo UniMAP yang dipakai pada hari-hari tertentu dan untuk menghadiri program khas universiti yang diputuskan memakai pakaian tersebut.

4.0 REKA BENTUK DAN WARNA

4.1 Reka bentuk dan warna pakaian korporat F1 adalah seperti yang ditetapkan oleh universiti.

4.2 Reka bentuk dan warna pakaian korporat F1 hendaklah tidak menyalahi reka bentuk dan warna yang telah ditetapkan bagi jawatan-jawatan tertentu seperti doktor perubatan, jururawat dan lain-lain.

4.3 Reka bentuk dan spesifikasi pakaian korporat F1 perlu dirujuk dengan Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori.

5.0 PELAKSANAAN

5.1 Staf yang telah dibekalkan dengan pakaian korporat F1 hendaklah menggunakan pakaian tersebut bagi tujuan yang berikut:

5.1.1 Menghadiri Program Universiti yang diputuskan memakai pakaian korporat

Rujukan kami : UNIMAP/PEND/101/2-6 (27)

Tarikh : 28 September 2016

- 5.2 Pemakaian pakaian korporat F1 selain para 5.1 di atas pada hari bekerja biasa, hanya dibenar pemakaiannya pada hari Rabu sahaja. Universiti berhak untuk menentukan hari dan masa pemakaian pakaian korporat F1 mengikut keperluan.
- 5.3 Selain itu, pemakaian baju korporat F1 oleh staf UniMAP hanya dibenarkan apabila melaksanakan tugas rasmi di lapangan/ luar sahaja.
- 5.4 Pemakaian pakaian korporat F1 selain daripada para 5.1 hingga 5.3 adalah dilarang sama sekali pada hari bekerja biasa melainkan terdapat arahan daripada pihak Pengurusan Tertinggi.
- 5.5 Bagi staf lelaki, pemakaian pakaian korporat F1 hanya boleh dipakai bersama-sama dengan seluar panjang dengan keutamaan kepada warna gelap.
- 5.6 Bagi staf wanita, pemakaian pakaian korporat F1 hanya boleh dipakai bersama dengan skirt labuh berbentuk 'A' (A- Line Skirt) paras tumit atau seluar panjang polos berwarna hitam.
- 5.7 Bagi memastikan pelaksanaan pakaian korporat F1 ini dipatuhi oleh semua warga universiti, pihak Jabatan Pendaftar memerlukan sokongan padu daripada setiap Ketua Jabatan untuk membuat pemantauan sepanjang masa terhadap staf di PTj masing-masing.
- 5.8 Sekiranya hasil pemerhatian daripada pihak Pendaftar mendapati pemakaian ini kurang menunjukkan keberkesanan dan menjejaskan imej serta penampilan staf universiti sebagai penjawat awam, surat teguran akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftar kepada Ketua Jabatan yang berkenaan.

Rujukan kami : UNIMAP/PEND/101/2-6 (27)

Tarikh : 28 September 2016

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Mencarik Adat, Melarik Hasrat'

Saya yang menurut perintah,



(ZUBER BIN HAJI MOHAMAD)

Pendaftar

s.k Naib Canselor
Semua Timbalan Naib Canselor
Bendahari
Ketua Pustakawan
Semua Ketua Jabatan/Dekan